



فكاواي كأواغن نكري ترغكانو
PEGAWAI KEWANGAN
NEGERI TERENGGANU

PERB.TR.U/16/01/01/4 - (63)
Bertarikh : 1 Februari 2021
Bersamaan : 19 Jamadilakhir 1442

Semua Ketua Jabatan Negeri Terengganu
Semua Ketua Badan Berkanun Negeri Terengganu
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Terengganu

YB Dato'/ YBhg. Dato'/ Tuan,

**PINDAAN TAFSIRAN CAJ BULANAN TERHADAP PEKELILING PERBENDAHARAAN
MALAYSIA – PERATURAN MENGENAI KEMUDAHAN ALAT KOMUNIKASI MUDAH ALIH**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu yang bersidang pada 27 Januari 2021 telah bersetuju meluluskan pindaan tafsiran 'caj bulanan' bermaksud caj panggilan suara, caj penggunaan data (mengakses internet, muat turun dan seumpamanya), penggunaan emel, SMS, MMS dan sebarang bentuk caj perkhidmatan data yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi dalam pekeliling Perbendaharaan Malaysia-Peraturan mengenai kemudahan alat komunikasi mudah alih **dipinda kepada apa-apa caj yang dikenakan oleh syarikat telekomunikasi.**

3. Walaubagaimanapun, kadar tuntutan caj bulanan talian telefon mudah alih masih tertakluk kepada kadar kelayakan setiap pegawai yang telah ditetapkan. Peraturan ini berkuatkuasa mulai **1 Februari 2021.**

Sekian, terima kasih.

“ TERENGGANU MAJU, BERKAT, SEJAHTERA ”
“ PRIHATIN RAKYAT : DARURAT MEMERANGI COVID-19”
“ BERKHIDMAT UNTUK NEGARA ”

Saya yang menjalankan amanah,

↑ (DATO' HAJI ZAINAL ABIDIN BIN HUSSIN)

s.k. : YB Setiausaha Kerajaan Negeri
Terengganu

Pengarah Audit Negara Negeri
Terengganu

Fail Timbul